

سَمِينَةُ عِبَادَةِ كَرْبَانَ

Seminar Ibadat Korban

TAJUK KERTAS KERJA

IBADAT KORBAN DAN FADHILATNYA

oleh

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka
Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin
Timbalan Mufti Kerajaan,
Negara Brunei Darussalam

دولة كورنيليا

حیاتین مقبیلے کرا جان
حیاتین قرآن شریفی کرا لایفہ دارالاسلام

17 ذوالقعدة 1426 / 19 دسمبر 2005



IBADAH KORBAN DAN FADHILATNYA

Pehin Orang Kaya Paduka Seri Raja Dato Paduka Seri Setia
Haji Awang Suhaili Bin Haji Mohiddin
Timbalan Mufti Kerajaan
Negara Brunei Darussalam

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْفَتَّاحِ الْوَهَّابِ الْهَادِي إِلَى الْحَقِّ وَالصَّوَابِ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ صَلَاةً تُلْهِمُنَا بِهَا شُكْرَ نِعْمَتِكَ
وَتَمْنَحُنَا بِهَا حَزْرِيْلَ نِعْمَاتِكَ . اللَّهُمَّ هِدَايَةَ لِلصَّوَابِ ، وَبَعْدُ ،

Pendahuluan

Suatu perkara perlu yang selalu dalam ingatan dan perhatian kita ialah merebut peluang. Lebih-lebih lagi jika peluang itu untuk saham akhirat yang menjanjikan suatu keuntungan yang berlipat kali ganda.

Dalam ibadat, peluang itu, kalau dilihat dari segi aspek masa, ada yang kedatangannya hanya berlaku di waktu malam sekali dalam setahun. Sebagai contohnya, malam *lailatul qadar* dalam bulan Ramadhan yang mana ganjarannya sudah diketahui umum iaitu lebih baik daripada seribu bulan.

Demikian inilah juga yang berlaku kepada ibadat korban yang hanya berlaku pada setiap bulan Zulhijjah iaitu pada 10 hari *nahar* dan hari-hari Tasyriq (11, 12 dan 13 Zulhijjah).

Secara pastinya, keuntungan mengerjakan ibadat korban ini ialah janji Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan ganjaran atau pahala yang amat banyak kepada sesiapa yang melakukannya sebagaimana yang akan kita bentangkan selepas ini. Peluang yang sangat terhad dan pahala yang bakal diperolehi itu sepatutnya mendorong kita untuk merebut peluang melakukan ibadat korban agar ianya tidak akan terlepas begitu saja.

Sesungguhnya sikap dan perhatian kita terhadap Hari Raya Aidil Fitri sangatlah tinggi. Ini dapat kita lihat melalui cara kita berbelanja. Gedung-gedung perniagaan sentiasa ramai dengan pelanggan-pelanggan Islam. Bahkan ada kedengaran di antara kita yang sanggup berhutang semata-mata untuk meraikan dan memeriahkan Hari Raya Aidil Fitri. Sikap berbelanja berlebih-lebihan itu amatlah merugikan dan sudah tentulah tidak wajar, kerana ia terdorong kepada pembaziran yang dilarang.

Oleh kerana itu, dengan melihat peluang masa yang sangat terhad dan fadhilat-fadhilat yang dijanjikan, mudah-mudahan kertas-kerja ini dapat mendorong kita merebut peluang untuk mengerjakan ibadat korban sepertimana tingginya semangat kita untuk meraikan Hari Raya Aidil Fitri dan juga sebagaimana tingginya semangat kita di dalam mengejar kesenangan dunia.

Takrif Korban

Korban dikenali dalam bahasa Arab sebagai *Uddhiyah*. *Uddhiyah* berasal dari perkataan *dhahwah* - *dhuha* - *dhahiyah* iaitu waktu matahari naik kerana pada waktu itulah binatang korban disembelih. Oleh kerana itulah juga, hari tersebut dinamakan sebagai Hari Raya Adha.¹

Makna *Uddhiyah* dari segi hukum *syara'* ialah menyembelih binatang ternakan (*an-na'am*) seperti unta, kerbau, lembu atau kambing pada Hari Raya Adha atau pada hari-hari Tasyrik dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.²

Sejarah Korban Sebelum Disyariatkan

Melakukan korban dengan menyembelih binatang dan lain-lain kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sudah lama diamalkan semenjak zaman

¹ Abu Ishaq asy-Syirazi, *al-Muhadzdzab fi Fiqh al-Imam ash-Shafi'e*, Dar al-Qalam, Damsyiq, juz 2, hlm 830.

² Syihabuddin Ahmad ibn Ahmad ibn Salamah al-Qalyubi, & Syihabuddin Ahmad al-Barlasi Umairah, *Hasyiyatan al-Qalyubi wa 'Umairah*, Dar al-Fikri, Beirut, juz 4, hlm 250.

Nabi Adam 'alaihissalam lagi. Ini jelas sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang menceritakan tentang korban yang dilakukan oleh Habil dan Qabil, putera-putera Nabi Adam 'alaihissalam:

وَأَتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ابْنَيْ آدَمَ بِالْحَقِّ إِذْ قَرَّبَا قُرْبَانًا فَتُقْبِلَ مِنْ أَحَدِهِمَا وَلَمْ
يُتَقَبَّلْ مِنَ الْآخَرِ^٣

Tafsirnya: “Dan bacakanlah (wahai Muhammad) kepada mereka kisah (mengenai) dua orang anak Adam (Habil dan Qabil) yang berlaku dengan sebenarnya, iaitu ketika mereka berdua mempersembahkan suatu persembahan korban (kerana mendampingkan diri kepada Allah). Lalu diterima korban salah seorang di antaranya (Habil), dan tidak diterima (korban) daripada yang lain (Qabil).⁴

Menurut Imam Qurthubi⁵, kedua-dua putera Nabi Adam 'alahissalam mempunyai kelakuan yang berbeza. Habil merupakan seorang yang sentiasa melakukan amal kebajikan. Manakala Qabil pula merupakan seorang yang sentiasa melakukan kemungkaran.

Nabi Adam 'alahissalam mempunyai anak yang masing-masing dilahirkan oleh isterinya kembar dua iaitu terdiri daripada lelaki dan perempuan kecuali seorang sahaja puteranya yang lahir seorang iaitu Syithan (شَيْطَانًا) 'alahissalam. Kembar pertama ialah Qabil dengan kembar perempuannya yang bernama Iqlima sementara kembar kedua pula ialah Habil bersama kembar perempuannya yang bernama Leodza.

³ Al-Quran, al-Maidah 5:27.

⁴ Semua terjemahan ayat-ayat al-Quran dalam kertas kerja ini berdasarkan *Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran*, Cetakan keenam, 1983, Kuala Lumpur: Darul Fikri.

⁵ Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Anshari al-Qurthubi, *al-Jami'ul li Ahkam al-Quran*. Dar al-Fikr. Beirut. Juz 3. Hlm 73-74.

Kembar perempuan Qabil lebih cantik rupa parasnya daripada kembar perempuan Habil. Maka apabila Nabi Adam *'alaihissalam* hendak menikahkan puteranya itu tadi dengan kedua puterinya secara bersilang iaitu Qabil dengan kembar Habil iaitu Leodza dan Habil dengan kembar Qabil iaitu Iqlima, Qabil dengan tegas menentang keputusan ayahandanya atas alasan bahawa Leodza tidak cantik sementara kembarnya sendiri iaitu Iqlima lebih cantik dan Qabil berpendapat bahawa dia hendaklah dikahwinkan dengan kembarnya sendiri iaitu Iqlima. Oleh kerana itulah, Qabil dan Habil diarahkan untuk melakukan korban yang mana barangsiapa korbannya diterima oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan dijodohkan dengan Iqlima iaitu kembar Qabil yang cantik itu.

Maka mereka berdua pun bersetuju dengan keputusan tersebut lalu Habil pun keluar dan kembali membawa seekor kambing yang paling dicintainya di antara binatang-binatang peliharaannya, sementara Qabil datang dengan sekarung gandum yang dipilihnya dari hasil tanam-tanamannya yang rosak dan busuk. Setelah itu, korban Habil pun diterima oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* manakala korban Qabil tidak diterima. Begitulah sebab bagaimana korban itu terjadi ketika zaman Nabi Adam *'alaihissalam*.

Persembahan korban juga berlaku di kalangan orang-orang Yahudi, sebagaimana perkara ini diceritakan oleh Al-Qur'an:

الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ عٰهَدَ اِلَيْنَا اَلَّا نُوْمِنَ لِرَسُوْلِ حَتّٰى يَأْتِنَا بِقُرْبٰنٍ تَاْكُلُهٗ
النَّارُ

Tafsirnya: "Orang-orang (Yahudi itulah) yang berkata: "Sesungguhnya Allah telah perintahkan kepada kami, supaya kami jangan beriman kepada seseorang rasul sehingga dia membawa kepada kami korban yang dimakan api."

⁶ Al-Quran, Surah al-'Imran 3:183

Perbuatan menyembahkan korban masih kekal menjadi amalan orang-orang Yahudi untuk mereka jadikan sebagai bukti kebenaran mana-mana nabi yang diutus kepada mereka, sehinggalah ianya *dimansûkkan* (dibatalkan) oleh Nabi Isa bin Maryam *'alahissalam*.

Dalam sejarah juga ada menceritakan bagaimana Abdul Muththalib telah bernazar bahawa jika dia dikurniakan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan sepuluh orang anak lelaki nescaya dia akan menyembelih seorang di antara mereka sebagai korban. Apabila dia dikurniakan dengan sepuluh orang anak, maka dia pun memenuhi nazarnya dengan mengundi mereka untuk dijadikan korban. Undian itu jatuh kepada anaknya yang bernama Abdullah iaitu ayahanda Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Akan tetapi orang-orang Quraisy menghalangnya daripada melakukan penyembelihan tersebut, kerana mereka kawatir perbuatannya itu akan menjadi ikutan yang berterusan. Akhirnya setelah memikirkannya, Abdul Muththalib bersetuju menebus Abdullah dengan seratus ekor unta.

Pensyariatian Ibadah Korban

Ibadah korban mula disyariatkan pada tahun kedua hijriyyah bersamaan dengan perintah mendirikan kedua-dua sembahyang hari raya dan juga mengeluarkan zakat.⁷

Ini berdasarkan kepada firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرِ⁸

Tafsirnya: "Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur)."

⁷ al-Qalyubi wa Umairah, *Hasyiyatan al-Qalyubi wa 'Umairah*, juz 4, hlm 250.

⁸ al-Quran, al-Kautsar 108:2

Yang dimaksudkan dengan sembahyang dalam ayat di atas ialah sembahyang Aidil Adha manakala yang dimaksudkan dengan sembelih pula ialah menyembelih binatang korban.⁹

Banyak hadis yang menerangkan tentang perbuatan Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* melakukan ibadah korban, kelebihan berkorban dan anjuran berkorban. Antaranya ialah hadis daripada Anas bin Malik *radhiallahu 'anhu*, katanya:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَضْحَى بِكَبْشَيْنِ وَأَنَا أُضْحَى بِكَبْشَيْنِ¹⁰

Maksudnya: “*Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam berkorban dengan dua ekor kibasy dan aku (Anas bin Malik) berkorban dua ekor kibasy.*”

Sabda Baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam* lagi:

ضَحَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِكَبْشَيْنِ أَمْلَحَيْنِ أَقْرَتَيْنِ، دَبَّحَهُمَا يَدَيْهِ وَسَمَى وَكَبَّرَ، وَوَضَعَ رِجْلَهُ عَلَى صِفَاحِهِمَا¹¹

Maksudnya: “*Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam berkorban dengan dua ekor kibasy (biri-biri) putih yang bertanduk. Baginda menyembelih keduanya dengan tangan Baginda sendiri sambil membaca Basmalah dan bertakbir dan Baginda meletakkan (menginjakkan) kakinya di pangkal leher biri-biri itu.*”

Pensyariatian ibadah korban ini adalah sempena memperingati peristiwa yang berlaku antara Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail *'alahimassalam* sepertimana yang ada diterangkan di dalam Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

⁹ Muhammad ibn Ahmad al-Khatib asy-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, Beirut, juz 4, hlm 355.

¹⁰ Abu Abdullah Muhammad ibn Ismail al-Bukhari al-Ja'fi, *Sahih Al-Bukhari*, كتاب الأضاحي, no. 5233/5234. في أضحية النبي صلى الله عليه وسلم بكبشَيْنِ أَقْرَتَيْنِ، وَيَذْكُرُ مَسْمِينِينَ

¹¹ al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, كتاب الأضاحي, التكبِير عند الذبْح, no. 5245.

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَؤُا اِنِّى اَرَى فِى الْمَنَامِ اَنِّى اَذْبَحُكَ فَانظُرْ
مَاذَا تَرَى قَالَ يَتَّابِتِ اَفْعَلُ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِى اِنْ شَاءَ اللّٰهُ مِنَ الصّٰبِرِىنَ

فَلَمَّا اَسْلَمَا وَتَلَّهٗمُ لِلْجَبِىنِ

وَنَدَيْنَهٗ اَنْ يَّكْفُرْ اِهِيْمُ

قَدْ صَدَّقْتَ الرُّءْيَا اِنَّا كَذٰلِكَ نَجْرِى الْمُحْسِنِىنَ

اِنَّ هٰذَا لَهُوَ الْبَلٰؤُا الْمُبِيْنُ

وَفَدَيْنَهٗ بِذَبِيْحٍ عَظِيْمٍ¹²

Tafsirnya: “Maka tatkala anak itu sampai (kepada peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: “Wahai anak kesayanganku sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu, maka fikirkanlah apa pendapatmu.” Anaknya menjawab: “Wahai Ayahku! Jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu, Insya Allah, Ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar.”

Setelah keduanya berserah bulat-bulat (menjunjung perintah itu) dan Nabi Ibrahim merebahkan anaknya dengan meletakkan iringan mukanya atas tompok tanah, (kami sifatkan Ibrahim dengan kesungguhan azamnya itu telah menjalankan perintah kami)

Serta kami menyerunya: “Wahai Ibrahim!”

“Engkau telah menyempurnakan maksud mimpi yang engkau lihat itu!” Demikianlah sebenarnya kami membalas orang-orang yang berusaha mengerjakan kebaikan.

¹² al-Quran, ash-shaffat, 37: 102-107

Sesungguhnya perintah ini ialah satu ujian yang nyata.

Dan kami telah tebuskan anaknya itu dengan seekor binatang sembelihan yang besar.

Hukum Korban

Hukum berkorban pada Hari Raya Adha atau hari-hari Tasyrik adalah sunat *mu'akkadah* (sunat yang dituntut) atas orang Islam yang merdeka, berakal, baligh dan yang mampu mengadakannya iaitu mempunyai lebih harta dari keperluan dirinya dan keperluan orang yang di bawah tanggungannya pada Hari Raya Adha dan hari-hari Tasyrik.¹³

Hukum sunat itu menyeluruh bagi semua orang termasuk orang musafir dan orang yang sedang mengerjakan haji. **Maka adalah makruh meninggalkan ibadah korban itu bagi mereka yang mampu mengadakannya.** Tetapi jika ditinggalkannya tanpa sebarang keuzuran, tidaklah dia berdosa dan tidak wajib dia mengqadhanya.¹⁴

Sabda Baginda *Shallallahu 'alaihi Wasallam* yang telah diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas *radhiallahu 'anhuma*:

كُتِبَ عَلَيَّ التَّحْرُوكُمْ وَلَمْ يُكْتَبْ عَلَيْكُمْ...¹⁵

Maksudnya: "Telah diperintahkan (diwajibkan) ke atasku untuk menyembelih, akan tetapi menyembelih itu tidak diperintahkan (diwajibkan) ke atas kamu"

Hukum sunat ini akan menjadi *mu'akkadah 'ainiyah* iaitu sunat yang dituntut ke atas orang perseorangan sekiranya dia tinggal bersendirian di dalam sebuah rumah, sebaliknya menjadi sunat *mu'akkadah kifayah*

¹³ Asy-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, juz 4, hlm 355.

¹⁴ Abu Zakariya Muhyiddin ibn Syarif an-Nawawi, *al-Majmu' syarh al-muhadzdzab*, Dar al-Fikr, Beirut, juz 8, hlm 276.

¹⁵ Imam 'Ali bin 'Umar ad-Darquthni, *Sunan Ad-Darquthni*, كتاب الأثرية وغيرها, باب الصيد والذبيائح والأطعمة وغير ذلك no. 4706.

iaitu sunat yang dituntut secara umum bagi sebuah keluarga dalam sebuah rumah. Jika salah seorang daripada ahli keluarga berkenaan melakukan korban, maka gugurlah tuntutan sunat *mu'akkadah kifayah* tadi daripada anggota keluarga yang lain itu.¹⁶

Dengan kata lain, memadai salah seorang sahaja yang berkorban bagi sesebuah keluarga yang tinggal dalam sebuah rumah. Jika ramai yang ingin melakukan korban, maka itu adalah lebih baik.

Bila hukum korban itu menjadi wajib?

Hukum sunat *mu'akkadah* menyembelih korban itu hanya akan menjadi wajib jika ia dinazarkan.¹⁷

Sebagaimana sabda Rasulullah *Shallallahu 'alahi Wasallam* dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh 'Aisyah *radhiallahu 'anha* :

مَنْ نَذَرَ أَنْ يُطِيعَ اللَّهَ فَلْيُطِعْهُ¹⁸

Maksudnya: “Sesiapa yang bernazar untuk mentaati Allah, maka hendaklah dia mentaatinya.”

Maka dapat difahami bahawa binatang sembelihan bagi ibadah korban itu akan menjadi wajib apabila ia dinazarkan, sama ada nazar tersebut berbentuk nazar yang sebenar (*nazar hakiki*) ataupun nazar dari segi hukum (*nazar hukmi*).

Adapun yang dimaksudkan dengan nazar yang sebenar itu ialah dengan menyebut nama Allah atau menggunakan perkataan ‘nazar’. Sebagai contoh orang yang berkorban itu berkata: “*Demi Allah wajib ke atasku menyembelih kambing ini sebagai korban*”, ataupun dia berkata: “*Aku bernazar untuk menyembelih kambing sebagai korban pada Hari Raya Haji nanti*”.

¹⁶ Asy-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, juz 4, hlm 356.

¹⁷ Sulaiman al-Bujairimi, *Kitab Bujairimi 'ala al-Khatib*, Dar al-Fikri, Beirut, Juz 4, hlm 418.

¹⁸ Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, كتاب الأيمان والنذور, باب: النذر في الطاعة, no. 6318.

Manakala yang dimaksudkan dengan nazar dari segi hukum itu ialah apabila seseorang itu berkata: “*Aku jadikan kambing ini untuk korban*” atau “*Ini adalah korban*”, maka lafaz yang demikian dianggap sama seperti bernazar yang sebenar kerana dia telah menentukan (*ta'ayin*), iaitu perkataan ‘ini’ pada binatang tersebut.¹⁹ Sebutan seperti ‘ini’ mensabitkan korban wajib, iaitu korban yang wajib ditunaikan, sekalipun orang yang melafazkan itu tidak mengetahui yang sebutan seumpama itu menjadi wajib ke atasnya untuk melakukan korban ke atas binatang yang telah ditentukannya itu.

Al-Syeikh Daud Fathani ada menyebutkan bahawa apabila seseorang membeli dan membawa seekor kambing atau lembu bertujuan untuk korban dan tiba-tiba ditanya orang: “*Hendak buat apa kambing atau lembu ini?*” Lalu dijawab dengan katanya: “*Ini adalah korban*”, atau katanya: “*Aku jadikan untuk korban*”, maka dengan jawapan itu tidak dinamakan nazar sebenar, tetapi dihukumkan sama seperti hukum nazar sebenar, di mana wajib baginya menyembelih binatang tersebut dan wajib disedekahkan kesemua dagingnya kepada fakir miskin, serta haram bagi yang berkorban memakan daging tersebut.²⁰

Tetapi jika dia menjawab dengan berkata: “*Inilah korban sunatku*”, atau dia berkata: “*Kambing ini hendakku sembelih sebagai korban sunat*”, maka ulama sepakat mengatakan tidak menjadi nazar dan tidak juga menjadi seperti hukum nazar.

Ataupun boleh juga dijawab pertanyaan seperti di atas, sebagaimana tersebut di dalam kitab Hasyiah Al-Baijuri: “*(Lembu atau kambing) ini akan kami sembelih pada Hari Raya Haji nanti*”. Maka dengan jawapan seperti ini tidaklah dia menjadi korban wajib.²¹

¹⁹ Syeikh Ibrahim al-Baijuri, *Hasyiah al-Baijuri 'ala Ibn Qasim*, Dar al-Fikr, Beirut, juz 2, hlm 443.

²⁰ Syeikh Daud bin Abdullah Fathani, *Furu' al-Masa'il*, Dar al-Fikr, Beirut, juz 1, hlm 260.

²¹ Al-Baijuri, *Hasyiah al-Baijuri 'ala Ibn Qasim*, juz 2, hlm 443.

Jika ketika membeli kambing itu ada niat dalam hatinya untuk menjadikan kambing itu sebagai korban dan tidak dilafazkan niatnya itu, maka tidaklah ia menjadi korban yang wajib.²²

Hikmah Pensyariatan Ibadah Korban

Hikmah pensyariatan ibadah korban ini antaranya ialah²³:

- (i) Untuk mengekalkan ingatan kita kepada kisah Nabi Ibrahim yang mengorbankan puteranya Nabi Ismail *'alaihissalam* dengan menyembelihnya, akan tetapi Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menggantikannya dengan kibasy.
- (ii) Memupuk sikap pemedulian terhadap masyarakat iaitu dengan memberi dagingnya sebagai makanan atau meluaskan rezeki orang-orang fakir miskin pada Hari Raya Adha dan hari-hari Tasyriq, meskipun pada asalnya ia bertujuan untuk memberi manfaat kepada penduduk Makkah dan orang yang datang ke sana untuk mengerjakan haji.
- (iii) Melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* terhadap nikmat hidup yang telah diberikanNya.
- (iv) Menyemai dan menanamkan sifat dan nilai-nilai murni dengan meneladani kesabaran Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail *'alaihissalam* dan sifat mereka yang mengutamakan ketaatan serta rasa cinta kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dari rasa cinta kepada diri sendiri dan kepada anak.

Fadhilat Korban

Hari Raya Adha mengingatkan kita kepada peristiwa penyembelihan Nabi Ismail *'alaihissalam* yang hendak dilakukan sendiri oleh ayahandanya Nabi Ibrahim *'alaihissalam*. Sejak dari saat itulah penyembelihan binatang korban menjadi salah satu syiar dalam Islam.

²² Asy-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, juz 4, hlm 362.

²³ 'Ali Ahmad al-Jarjawi, *Hikmah at-Tasyriq wa Falsafah*, Dar al-Fikr, Beirut, Juz 1, hlm

Kita selaku orang yang berkemampuan untuk melakukan ibadah korban hendaklah sentiasa teringin untuk menjalankan suruhan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan menyediakan atau membeli binatang untuk dikorbankan. Umpamanya dengan menabung sedikit-demi sedikit pada setiap bulan bagi membolehkannya untuk melakukan ibadah korban itu dapat dilaksanakan, supaya tidak terlepas dari mendapat pahala dan fadhilat yang dijanjikan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ketika mengerjakan ibadah korban tersebut.

Sepertimana hadis Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas *radhiallahu 'anhuma*:

مَا أَنْفَقْتَ الْوَرَقَ فِي شَيْءٍ أَفْضَلَ مِنْ نَحِيرَةٍ فِي يَوْمِ عِيدٍ^{٢٤}

Maksudnya: "Tidak ada sesuatu yang dibelanjakan oleh mata wang yang lebih baik dari menyembelih (korban) pada Hari Raya."

Antara fadhilat korban itu:

1. Titisan darah korban yang pertama adalah merupakan pengampunan bagi dosa-dosa yang telah lalu. Iaitu sebagai penebus pada dosa yang pernah dilakukan dahulu.

Sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* kepada Saiyyidatina Fatimah *radhiallahu 'anha*:

يَا فَاطِمَةُ قَوْمِي إِلَى أَضْحِيَّتِكَ فَاشْهَدِيهَا ، فَإِنَّ لَكَ بِأَوَّلِ قَطْرَةٍ تَقْطُرُ مِنْ دَمِهَا أَنْ يَغْفَرَ لَكَ مَا سَلَفَ مِنْ ذُنُوبِكَ^{٢٥}

²⁴ Imam 'Ali bin 'Umar ad-Darquthni, *Sunan Ad-Darquthni*, كتاب الأثرية وغيرها, no. 4707 باب الصيد والذباح والأطعمة وغير ذلك

²⁵ Imam Abu Abdullah Muhammad bin Abdullah al-Hakim an-Nisaburi, *kitab al-Mustadrak 'ala ash-shahihain*, كتاب الأضاحي, no. 7525.

Maksudnya: “*Hai Fatimah berdirilah di sisi korbanmu dan saksikanlah ia, sesungguhnya titisan darahnya yang pertama itu adalah merupakan pengampunan bagimu atas dosa-dosamu yang telah lalu.*”

2. Gambaran kebajikan (*hasanah*) yang dikurniakan kepada orang yang berkorban itu adalah seperti sebanyak bulu binatang yang dikorbankan. Iaitu amal kebajikkannya akan bertambah sepertimana banyaknya bilangan bulu yang ada pada binatang yang dikorbankan itu.

Ini berdasarkan kepada Hadis Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*:

الأُضْحِيَّةُ لِصَاحِبِهَا بِكُلِّ شَعْرَةٍ حَسَنَةٌ^{٢٦}

Maksudnya: “*Korban itu bagi tuannya dengan setiap bulunya adalah kebajikan.*”

Sabda Rasulullah *Shallallahu 'alahi Wasallam* lagi dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Zaid bin Arqam, katanya:

قَالَ أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، مَا هَذِهِ
الأُضْحِيَّةُ ؟
قَالَ : سُنَّةُ أَبِيكُمْ إِبْرَاهِيمَ ،
قَالُوا : فَمَا لَنَا فِيهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ ؟
قَالَ : بِكُلِّ شَعْرَةٍ حَسَنَةٌ ،
قَالُوا : فَالْصُّوفُ يَا رَسُولَ اللَّهِ ؟
قَالَ : بِكُلِّ شَعْرَةٍ مِنَ الصُّوفِ حَسَنَةٌ.^{٢٧}

²⁶ Abu Isa Muhammad ibn Isa at-Tirmidzi, *al-Jami 'ul-Kabir*, كتاب الأضاحي, باب ما جاء في فضل, كتاب الأضحية no.1493

²⁷ Abu Abdullah Muhammad bin Yazid Ibnu Majah, *Sunan Ibnu Majah*, كتاب الأضحية, باب ثواب الأضحية no.3127.

Maksudnya: “*Para sahabat Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam bertanya: “Wahai Rasulullah, apakah yang ada pada korban itu?”*”

Jawab Rasulullah: “Ia adalah sunnah bapa kamu, Ibrahim.”

Mereka berkata: “Apa yang akan kami perolehi daripadanya wahai Rasulullah?”

Rasulullah menjawab: “Bagi setiap helai rambut ada kebajikannya.”

Mereka berkata: “Bagaimana pula dengan buhunya wahai Rasulullah?”

Rasulullah menjawab: “Bagi setiap helai bulu ada kebajikannya.”

Adapun pengertian kebajikan (*hasanah*) mempunyai maksud yang berbeza-beza di antara para ahli tafsir dan para ‘ulama. *Hasanah* adalah satu perkataan yang mempunyai maksud yang subjektif. Banyak penjelasan daripada ‘ulama-‘ulama tentang penafsiran *kalimah* ‘*hasanah*’. Antaranya:

Berkata Ibnu Kathir, kebajikan atau kebaikan (*hasanah*) di dunia itu meliputi semua yang bersifat keduniaan, misalnya: sihat, selamat, tempat tinggal yang luas, isteri yang baik, rezeki yang banyak dan sebagainya. Manakala *hasanah* di akhirat pula, yang paling tinggi ialah masuk syurga dan selanjutnya semua kebahagiaan yang menjadi pelengkap kehidupan dalam syurga itu.²⁸

Menurut al-Qadhi al-‘Iyadh, maksud *hasanah* itu ialah nikmat. Iaitu sama ada nikmat dari segi limpahan kurnia di dunia atau limpahan kurnia di akhirat atau nikmat terpelihara dari siksaan.²⁹

Manakala menurut Imam Qurthubi, maksud *hasanah* ialah iman. Sebagai contoh, barangsiapa yang mengucapkan *Syahadat*, maka

²⁸ Muhammad bin Ismail as-Shan‘ani, *Sublussalam Syarh Buhugh al-Maram*, Dar al-Fikr, Beirut, Juz.4.Hlm 2112.

²⁹ Ibid.

baginya setiap amalan kebaikan yang dilakukannya di dunia ini akan digandakan dengan sepuluh kali dari segi pahalanya.³⁰

Sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi Wasallam* di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dzar, katanya:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا وَأَزِيدُ.

(رواه مسلم)

Maksudnya: “Telah bersabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi Wasallam*: “Allah Azza wa Jalla berfirman: “Sesiapa yang datang dengan membawa kebajikan, maka baginya sepuluh pahala seperti dan masih Aku tambah.”

(Hadis riwayat Muslim)

3. Jika tumpah darah korban itu ke bumi, maka ia akan mengambil tempat yang mulia di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Sabda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh 'Aisyah *radhiallahu 'anha*:

مَا عَمِلَ ابْنُ آدَمَ يَوْمَ التَّحْرِ عَمَلًا أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ مِنْ هَرَاقَةِ دَمٍ،
وَإِنَّهُ لَيَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَظْلَافِهَا وَأَشْعَارِهَا، وَإِنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ
عَزَّ وَجَلَّ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ عَلَى الْأَرْضِ، فَطَيَّبُوا بِهَا نَفْسًا³¹

Maksudnya: “ Tidak ada amalan yang dilakukan manusia pada Hari Raya Korban yang lebih disukai Allah melainkan menumpahkan darah (menyembelih) binatang korban dan sesungguhnya binatang korban itu datang pada Hari Kiamat bersama tanduk, kuku dan bulunya dan

³⁰ Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Anshari al-Qurthubi, *al-Jam'ie li Ahkam al-Quran*, Dar al-Fikr, Beirut, Jil 4, Juz 7.Hlm 109-110.

³¹ at-Tirmidzi, *al-Jami 'ul-Kabir*, كتاب الأضحية , فضل الأضحية , no.1493 & Ibnu Majah, *Sunan Ibnu Majah*, no.3126.

Allah memberi pahala ibadah korban itu sebelum darah binatang korban itu jatuh ke bumi. Oleh itu iklaskanlah korbanmu.”

Apakah Yang Afdhal Didahulukan Korban Atau Aqiqah ?

Seperti yang diterangkan, ibadah korban adalah satu ibadah yang sangat sunat dituntut ke atas setiap individu yang berkemampuan dan mencukupi syaratnya. Memandangkan ibadah korban mengandungi hikmah dan fadhilat yang amat besar bagi umat Islam apabila melakukannya, maka telah berkata Sayiid Bakri dari *Kitab Hasyiah 'Tanah ath-Thalibin* bahawa melakukan ibadah korban adalah lebih afdhal dari melakukan sedekah sunat yang lain.

Berkata Imam Syafi'e: *“Tidak ada kelonggaran untuk meninggalkannya bagi orang yang mampu, jika ditinggalkannya juga, maka hukumnya adalah makruh.”*³²

Maka dari itu, dapat difahami bahawa lebih baik mendahulukan ibadah korban dari aqiqah jika tiba masa untuk berkorban, kerana ternyata tidak ada alasan bagi orang yang mampu melaksanakan ibadah korban untuk meninggalkannya dan lagi waktu untuk melakukan ibadah korban itu adalah terhad, sekali sahaja pada setiap tahun iaitu hanya pada Hari Raya Adha dan hari-hari Tasyrik sahaja, maka lebih baik supaya melakukan korban terlebih dahulu apabila tiba waktunya, kerana ditakuti tidak akan dapat melakukannya lagi di tahun hadapan jika tidak dipanjangkan umur, sedangkan aqiqah mempunyai waktu yang panjang yang mana ianya boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja sebelum atau selepas waktu korban.

Kesimpulan

Menyembelih binatang korban adalah sebagai tanda kita bersyukur di atas nikmat yang banyak yang telah dikurniakan oleh Allah *Subhanahu*

³² Abu Bakr ibn Muhamad Syaththa ad-Dimyathi al-Bakri, *Hasyiyah 'Tanah ath-Thalibin*, Dar al-Fikr, Beirut, 1419/1998 juz.2, hlm 519.

wa Ta'ala di samping memberikan kita satu jalan untuk mendekati diri kepadaNya. Dalam waktu yang sama dengan melakukan korban itu, kita dijanjikan dengan ganjaran dan pahala yang tidak ternilai dan terkira banyaknya. Iaitu, banyaknya setiap rambut atau bulu binatang itu bererti '*hasanah*'. Beberapa banyak rambut atau bulu di badan binatang yang dikorbankan itu? Begitulah gambaran '*Hasanah*' yang akan kita perolehi. Manakala titisan darah korban yang pertama merupakan pengampunan bagi dosa-dosa kita yang lalu dan juga apabila darah binatang yang kita korbankan itu tumpah ke bumi, maka ia akan mengambil tempat yang mulia di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Demikianlah luasnya rahmat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu!

Oleh yang demikian, peluang yang datangnya beberapa hari dalam setahun hanya di bulan Zulhijjah, maka tidak wajar diabaikan dan janganlah dilepaskan peluang yang tidak ternilai ini.

Maka kita selaku yang berkemampuan, hargailah dan rebutlah peluang untuk berkorban semata-mata mengharapkan keredhaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* di samping memperolehi fadhilat yang telah dijanjikan. Semarakkanlah syiar Islam dengan melakukan ibadah korban ini selagi hayat dikandung badan.

* * * * *

**Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.**

6hb. Zulkaedah, 1426

8hb. Disember, 2005.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran

Al-Baijuri, Syeikh Ibrahim al-Baijuri. 1414H/1994M. *Hasyiah al-Baijuri 'ala Ibn Qasim*. 2 jil. Beirut. Dar al-Fikr.

Al-Bakri, Abu Bakr ibn Muhammad Syaththa ad-Dimyathi. 1419H/1998M. *Hasyiyah I'amah ath-Thalibin*. Beirut. Dar al-Fikr.

Al-Bujairimi, Syeikh Sulaiman. 1419H/1998M. *Bujairimi 'ala al-Khatib*. 4 jil. Beirut. Dar al-Fikri.

Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad ibn Ismail al-Ja'fi. 1414H/1993M. *Sahih Al-Bukhari*. 7 jil. 6 juz. Damsyik. Dar Ibn Kathir.

Ad-Darquthni, 'Ali bin 'Umar. 1414H/1994M. *Sunan Ad-Darquthni*. 2 jil. 4 juz. Beirut. Dar al-Fikr.

Al-Fathani, Syeikh Daud bin Abdullah. t.th. *Furu' al-Masa'il*. 2 jil. Beirut. Dar al-Fikr.

Al-Hakim, Imam Abu Abdullah Muhammad bin Abdullah an-Nisaburi. t.th. *al-Mustadrak 'ala ash-shahihain*. 4 jil. Beirut. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibnu majah, Abu Abdullah Muhammad bin Yazid. 1413H/1992M. *Sunan Ibnu Majah (Mawsu'ah as-Sunnah AL-Kutub as-Sunnah wa Shuruhiha)*. 2 Jil. 2 juz. Istanbul. Dar ad-Da'wah.

Al-Jarjawi, Syeikh 'Ali Ahmad. 1418H/1997M. *Hikmah at-Tasyriq wa Falsafah*. 1 jil. 2 juz. Beirut. Dar al-Fikr.

Muslim, Muslim ibn al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairi an-Nisaburi. 1417H/1996. *Shahih Muslim*. 11 jil. Mekah. Maktabah Nizar Musthafa al-Baz.

An-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyiddin ibn Syarf. 1421H/2000M. *al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab*. 22 jil. Beirut. Dar al-Fikr.

- Al-Qalyubi, Syihabuddin Ahmad ibn Ahmad ibn Salamah & Umairah, Syihabuddin Ahmad al-Barlasi. 1419H/1998M. *Hasyiyatan al-Qalyubi wa Umairah*. 4 jil. Beirut. Dar al-Fikr.
- Al-Qurthubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Anshari. 1419H/1999M. *al-Jami'ul li Ahkam al-Quran*. 10 Jil. 20 juz. Beirut. Dar al-Fikr.
- As-Shan'ani, Muhammad bin Ismail. 1419H/1998M. Subulussalam Syarah Bulugh al-Maram. 4 jil. Beirut. Dar al-Fikr.
- Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmeih. 1404H/1983M. *Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran*, 1 jil. 30 juz. Kuala Lumpur, Darul Fikr.
- Asy-Syarbini, Muhammad al-Khathib. 1419H/1998M. *Mughni al-Muhtaj*. 4 jil. Beirut. Dar al-Fikr.
- Asy-Syirazi, Abu Ishaq. 1417H/1996M. *al-Muhadzdzab fi Fiqh al-Imam ash-Shafi'e*. 6 jil. Damsyiq. Dar al-Qalam.
- At-Tirmidzi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa. 1996M. *al-Jami'ul Kabir*. 6 jil. Beirut. Dar al-Gharab al-Islam.